

TERMA DAN SYARAT

SKIM TAJAAN YURAN PENGAJIAN (TYP)@MUSAADAH iCEPS, UiTM

1. Skim Tajaan Yuran Pengajian (TYP)@Musaadah iCEPS, UiTM adalah untuk yuran pengajian sahaja. Yuran kenaikan lain perlu dibayar oleh pelajar.
2. Tuan/Puan diminta untuk melakukan permohonan belajar di iCEPS terlebih dahulu sebelum melakukan permohonan Skim Tajaan Yuran Pengajian (TYP) @ Musaadah iCEPS, UiTM .
3. Penerima dikehendaki mendaftar mengikut pelan pengajian atau sekurang-kurangnya 11 jam kredit setiap semester.
4. Penerima dikehendaki menamatkan pengajian mengikut tempoh pelan pengajian yang telah diluluskan, tanpa mengira Cuti Khas (CK).
5. Pembiayaan yuran pengajian untuk sesi seterusnya adalah tertakluk kepada keputusan peperiksaan dan jam kredit yang didaftarkan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:

Semester	Pembiayaan / Pengecualian Yuran Pengajian
Semester 1 / Semester Pertama Pembiayaan	Dikecualikan yuran pengajian
Semester 2 / Semester Seterusnya	a) CGPA 3.00 dan ke atas (dikecualikan 100%) b) CGPA 2.99 - 2.75 (dikecualikan 50%) c) CGPA 2.75 ke bawah (DITAMATKAN) d) GPA 2.50 ke bawah (DITAMATKAN)

5. Kadar pembiayaan yang telah diturunkan (atau ditamatkan) tidak akan dinaikkan semula.
6. Pihak iCEPS UiTM juga berhak untuk **menarik balik** pembiayaan ini sekiranya pelajar:
 - i. Mendaftar kurang 11 jam kredit tanpa mengikut jadual atau pelan pengajian yang diluluskan.
 - ii. Mengambil Cuti Khas (CK) sebanyak dua (2) kali berturut-turut.
 - iii. Tidak mencapai prestasi yang memuaskan iaitu minima GPA 2.50.
 - iv. Tidak menduduki peperiksaan akhir tanpa alasan yang munasabah (berstatus YY).
 - v. Mempunyai masalah disiplin dan tatatertib sebagai seorang pelajar.
 - vi. Tidak mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh UiTM dan iCEPS (tertakluk kepada pindaan).
7. Segala keputusan yang diberikan adalah **MUKTAMAD**. Tiada sebarang proses rayuan yang akan diterima atau dilaksanakan.

Tarikh kemaskini: 12 JUN 2026